



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**ISNIN 3 JULAI 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	KPB TINGKAT PEMANTAUAN BERKALA 300 KILANG BERAS, NASIONAL, BH-3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KISAH LEMBU KORBAN DAN PENYELUDUPAN, SUARA, SH-16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	BELA SENDIRI AYAM PENELUR AKIBAT BEKALAN SERING TERPUTUS, LOKAL, HN-	LAIN-LAIN
4.	BERHENTI KERJA TERNAK AYAM PENELUR, NASIONAL, BH-20	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# KPB tingkat pemantauan berkala 300 kilang beras

Langkah pastikan semua pihak patuhi peraturan, pawaiaan ditetapkan

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kawal Selia Padi dan Beras (KPB), seksyen di bawah Bahagian Pembangunan Industri Padi, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) akan meningkatkan pemantauan berkala setiap minggu terhadap lebih 300 kilang beras di seluruh negara.

Langkah itu yang diambil bertujuan kira-kira 200 pegawai penguatkuasanya diambil bagi memastikan semua pihak dalam industri beras mematuhi peraturan dan piawaian yang ditetapkan.

Perkembangan itu menyusul

selepas *BH* pada Jumaat lalu mendedahkan ada pemborong beras berpakat mengambil kesempatan menukar kampil yang mengandungi label beras tempatan kepada beras import, dipercayai cuba memanipulasi harga kawalan ditetapkan kerajaan disebabkan mahu untung besar.

Isa berikutan harga beras import tidak dikawal kerajaan, sebaliknya hanya diapungkan, manakala harga beras tempatan ditetapkan pada RM26 untuk beg 10 kilogram (kg).

Susulan pendedahan itu, ada juga dakwaan sesetengah pemborong membuat campuran beras hancur tanpa mengikut piawaian ditetapkan bagi mengaut keuntungan secara berlembih.

Menjelaskan langkah KPB itu, Ketua Pengarahnya, Datuk Azman Mahmood, berkata pemantauan berkenaan untuk melihat sama ada pemborong dan pengilang beras mematuhi amalan sistem deklarasi atau pengisytiharan yang dikuatkuasakan.

"Sistem itu bagi memastikan



stok yang diperiksa selari dengan yang di dalam buku log. Ia penting bagi mengelakkan salah laku, termasuk penukaran kampil beras atau penambahan peratusan beras hancur melebihi daripada 10 peratus daripada yang ditetapkan.

"Kita akan periksa dari segi fizikal dan buku stok. Contohnya, beras tempatan, kita akan tahu adakah ia selari dengan apa yang diisytiharkan dan sama dengan apa yang dipaparkan dalam buku log.

"Ini kerana setiap pembelian padi oleh pemborong atau pengilang perlu diisytiharkan dalam buku log dan daripada pemeriksaaan fizikal, kita boleh kesan sama ada ia selari atau tidak,"

katanya kepada *BH*, semalam.

Jumaat lalu, Presiden Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia, Musonnef Md Radzi mendedahkan penukaran kampil berlabel beras tempatan kepada beras import, juga disebabkan kos tinggi untuk mengeluarkan beras tempatan, sedangkan untuk menjual pada harga kawalan RM26 setiap 10kg adalah sukar.

Selepas itu, pemborong beras, Bhd, Afsyukri Tahrin memborong ritahu *BH*, ada juga pemborong meningkatkan peratusan campuran beras hancur melebihi 10 peratus secara sengaja untuk menjimatkan kos, sedangkan paparan pada pek beras 10kg menyatakan hanya 10 peratus adalah beras hancur.

## Buat aduan rasmi

Sementara itu, Azman yang juga Setiausaha Bahagian Industri Padi dan Beras, meminta pihak yang mengesan taktik sedemikian supaya membuat aduan rasmi kepada KPB bagi membolehkan siasatan dilakukan.

Katanya, salah laku da-

Kita akan periksa dari segi fizikal dan buku stok. Contohnya, beras tempatan, kita akan tahu adakah ia selari dengan apa yang diisytiharkan dan sama dengan apa yang dipaparkan dalam buku log



Azman Mahmood, Ketua Pengarah KPB

lam hal berkaitan beras boleh diambil tindakan berdasarkan Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras dan Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522), antara lain membolehkan KPB melaksanakan kawalan pembekuan pindah-padi antara negeri bagi mengelakkan sebarang manipulasi.

"Sebelum ini pemindahan padi dibenarkan antara negeri, termasuk di Perak dan Kelantan berdasarkan penggunaan yang dipertingkatkan."

"Namun, kita bekukan sementara, tapi kalau ia dipertingkatkan juga, kena buat rayuan kepada ibu pejabat sebelum kelulusan boleh diberikan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/7/2023	SINAR HARIAN	SUARA	16

# Kisah lembu korban dan penyeludupan



**ANALISIS MUKA 16**

ADILA SHARINNI WAHID

**K**ehidupan di Malaysia ada musim-musimnya. Kalau musim durian, pelbagai jenis boleh didapati seperti D24, 101, kunyit dan musang king.

Musim harimau masuk kampung, berekor-ekor lembu dibaham raja rimba yang kelaparan dan apabila musim gajah pula, kelihatan haiwan-haiwan itu keluar melintasi Lebu Raya Utara-Selatan di Jeli-Gerik bagi mencari makanan.

Sekarang, musim haji. Selain sunat berpuasa, orang ramai juga mearih mengambil peluang menempah lembu sebagai persediaan melaksanakan ibadah korban yang sangat dituntut dalam Islam.

Korban mengingatkan kita kepada kisah Nabi Ibrahim AS yang taat melaksanakan perintah ALLAH menyembelih anaknya Nabi Ismail yang dikasihi.

Mereka melepasi ujian yang menjadi lambang kepatuhan, ketaatan terhadap Yang Maha Esa mengatasi nyawa dan kasih sayang antara bapa serta anak.

Ibadah korban bermaksud menyembelih binatang ternakan berkaki empat atau di dalam al-Quran disebut al-An'am.

Dalam keterujaan itu, terselit pula berita tidak enak kes-kes penyeludupan ruminan yang berlaku saban tahun bahkan makin terserlah menjelang sambutan raya.

Persoalannya, adakah kita juga menjadi 'tok dalang' yang mengambil kesempatan menyeludup lem-

bu dari negara jiran bagi mengejar untung berlipat kali ganda tanpa mengendahkan batas undang-undang.

Misalnya, lembu dibeli dengan harga RM1,800 di negara jiran dan dijual setinggi RM4,500 hingga RM5,600 apabila tiba di negara ini.

Sebelum itu, lembu-lembu terlebih dulu dibawa menyeberangi Sungai Golok seperti laporan berita April lalu memaparkan sekumpulan anggota Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA9) menyerbu sekumpulan lelaki yang memindahkan 12 lembu menggunakan perahu di Sungai Tok Rusa, Meranti, Pasir Mas pada jam 10 malam.

Pada bulan lalu, dilaporkan lembu seludup menjadi pilihan penternak bagi memenuhi permintaan tinggi pelanggan untuk ibadah korban di Rantau Panjang, Kelantan.

Pelik tetapi benar, sedangkan Malaysia ialah negara pertanian dan penternakan yang sepatutnya mempunyai bekalan makanan mencukupi tanpa mengira musim atau perayaan.

Ironinya ada sahaja keperluan makanan yang seolah-olah tidak cukup hingga wujud saja ruang dan peluang menjurus kepada pengimportan atau lebih malang terdedah kepada bahana penyeludupan.

Isu harga lembu yang tidak stabil dan meningkat tidak menentu juga perlu diberi perhatian. Di Terengganu, sebahagian lembu mencecah RM1,100 seperti dilaporkan media pada 18 Mei lalu.

Kos termasuk upah sembelih dan melapah manakala di kebanyakan tempat lain, harga meningkat sekitar RM750 hingga RM800 sebahagian berbanding RM500 hingga RM650 tahun lalu.

Umat Islam yang berhasrat untuk menyertai ibadah korban tahun ini perlu mengeluarkan belanja lebih akibat kenaikan sehingga 25 peratus

yang didorong oleh pelbagai faktor.

Menarik pula berita yang dilaporkan di Kota Bharu kerana masih ada penternak yang bermurah hati menjual lembu korban sekitar RM650 hingga RM700 sebahagian pada tahun ini dan membuktikan tidak mustahil harga boleh menjadi lebih murah dalam keadaan penternak masih lagi memperoleh untung.

Harga murah itu tidak akan terjadi sekiranya permintaan terus tinggi melebihi penawaran dan bekalan tidak cekap menampung permintaan yang ada.

Pada 5 April lalu, akhbar melaporkan ketidaktentuan pasaran industri makanan khususnya daging lembu. Perkara itu memperlihatkan pentingnya pihak dalam industri mengawal jaminan pasaran makanan dalam negara, namun sehingga kini, kebergantungan negara kepada daging import masih tinggi.

Menurut data Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, pada tahun 2020, Malaysia mengimport lebih daripada 207,000 tan lembu hidup dan daging lembu seberat 225,000 tan untuk memenuhi keperluan pengguna pada tahun itu.

Menurut Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pula, sektor ternakan menyumbang sebanyak 7.3 peratus kepada keluaran sektor pertanian negara pada tahun sama.

Pada 14 Jun lalu, Majlis Pemulihan Negara mengesyorkan Malaysia perlu kembali menjadi negara pertanian bagi mengatasi masalah bekalan makanan.

Pada penulis, begitu juga industri ternakan yang amat wajar segera diperluaskan di seluruh negara dengan menambah lebih banyak ladang-ladang lembu sekali gus menampung permintaan lembu di dalam negara.

*\* Adila Sharinni Wahid ialah Wartawan Sinar Harian Kelantan*



MOHD Taufiq dari Kampung Mak Chili Paya, Chukai menunjukkan telur ayam dan ayam penelur lohmann brown.



IBU Mohd Taufiq, Siti Padmah menyusun telur ayam penelur lohmann brown yang ditiernak di kawasan rumahnya.

## Bela sendiri ayam penelur akibat bekalan sering terputus

**Chukai:** "Bekalan telur ayam selalu terputus menyebabkan saya mengambil inisiatif beli ayam penelur sendiri," kata Mohd Taufiq Othman, 33, dari Kampung Mak Chili Paya yang pada mulanya hanya sekadar suka-suka memelihara ayam penelur.

Dia yang sebelum ini bekerja dalam bidang minyak dan gas di pelantar minyak akhirnya nekad berhenti kerja dan memberi tumpu-

an sepenuhnya kepada bidang penternakan ayam itu.

Menurutnya, ayam penelur jenis lohmann brown itu dibeli sejak tujuh bulan lalu berikutan masalah kekurangan bekalan telur di pasaran.

"Disebabkan terputus bekalan telur saya mengambil inisiatif memelihara 100 anak ayam penelur lohmann brown di rumah. "Saya membeli anak

ayam itu daripada seorang pembekal dengan harga RM7 sekor dengan harapan tidak lagi bergantung kepada bekalan telur di pasaran.

"Alhamdulillah selepas empat bulan memelihara telur dan kini saya tidak lagi bergantung kepada telur ayam di-

jual di kedai," katanya ketika ditemui di rumahnya, semalam.

Tambahnya, disebabkan ayam yang ditiernak itu menghasilkan lebih 80 telur sehari ia memberi peluang kepadanya untuk menjual telur ayam berkenaan.

"Saya menjual telur ayam itu kepada penduduk setempat dengan

harga yang lebih murah kerana ingin membantu penduduk.

"Telur itu dijual dengan harga RM9 hingga RM11 untuk 30 biji bergantung kepada saiz telur oleh itu permintaan telur ayam tidak mencukupi sekarang," katanya.

Menurutnya, permintaan tinggi dan kegiatan penternakan ayam penelur yang tidak cewet mendorongnya untuk berhenti kerja

dan memberi tumpuan kepada penternakan berkenaan.

"Sekarang saya menambah lagi jumlah ayam lohmann brown yang ditiernak sebanyak 600 anak ayam yang kini berusia sebulan untuk menampung permintaan yang semakin meningkat.

"Saya sudah lama ingin berhenti kerja kerana ingin menjaga ibu, Siti Fatimah Jusof, 69," katanya.

**Beli anak ayam daripada seorang pembekal dengan harga RM7 sekor**

# Berhenti kerja ternak ayam penelur

Permintaan tinggi  
dorong lelaki  
tumpu bidang  
pentermakan

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli  
bhnews@bh.com.my

**Chukai:** Masalah kekurangan bekalan telur di pasaran menyebabkan seorang pemuda di sini mengambil inisiatif membeli 100 anak ayam penelur untuk ditermakan di kawasan kediamannya.

Mohd Taufiq Othman, 33, dari Kampung Mak Chiti Paya, berkata bermula sekadar suka-suka, beliau nekad berhenti kerja dan memberi tumpuan sepenuhnya kepada bidang pentermakan ayam.

"Disebabkan terputus bekalan telur, saya mengambil inisiatif membeli anak ayam penelur jenis lohmann brown sebanyak 100 ekor untuk ditermakan di kawasan rumah.

"Saya membeli anak ayam itu daripada seorang pembekal dengan harga RM7 seekor dengan harapan tidak lagi bergantung kepada bekalan telur di pasaran.

"Alhamdulillah selepas empat bulan menermakan, ayam itu mula bertelur dan kini saya tidak lagi bergantung kepada telur yang dijual di kedai," katanya ketika ditemui di rumahnya, semalam.

## Hasilkan 30 biji telur sehari

Mohd Taufiq yang sebelum ini bekerja dalam bidang minyak dan gas di pelantar minyak, mula menermakan ayam penelur jenis lohmann brown itu sejak tujuh bulan lalu.

Katanya, disebabkan ayam yang ditermakan itu menghasilkan lebih 80 biji telur sehari, ia memberi peluang kepadanya untuk menjualnya.

"Saya menjual telur ayam itu kepada penduduk setempat dengan harga yang lebih murah kerana ingin membantu penduduk. Telur dijual dengan harga RM9 hingga RM11 untuk 30 biji bergantung kepada saiz," katanya.



Mohd Taufiq menunjukkan ayam penelur lohmann brown yang ditermakan di Kampung Mak Chiti Paya.

(Foto Ahmad Rabiul Zulkifli/BH)

Mohd Taufiq berkata permintaan tinggi dan kegiatan pentermakan ayam penelur yang tidak cerewet mendorongnya untuk berhenti kerja dan memberi tumpuan kepada pentermakan itu.

"Sekarang saya menambah lagi jumlah ayam lohmann brown yang ditermakan sebanyak 600 ekor yang kini berusia sebulan untuk menampung permintaan yang semakin meningkat.

"Saya sudah lama ingin berhenti kerja kerana ingin menajaga ibu, Siti Fatimah Jusof yang kini berusia 69 tahun," katanya.

